

02 MAY 2002

Mahathir-Bertanding

DR MAHATHIR TETAP PILIH KUBANG PASU JIKA BERTANDING PILIHAN RAYA NANTI

JITRA, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan bertanding hanya di kawasan parlimen Kubang Pasu dan bukannya Putrajaya jika beliau menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menggulung perbahasan pada persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuainya, di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini hari ini.

Ketika perbahasan, beberapa anggota perwakilan meminta Dr Mahathir terus kekal bertanding di parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau merupakan anggota parlimen Kubang Pasu sejak 1974.

Sebelum ini, terdapat cadangan supaya Dr Mahathir bertanding bagi kerusi baru di Putrajaya sebagai satu penghormatan kepada beliau yang mengilhamkan pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran baru bagi kerajaan pusat.

Menyentuh mengenai isu Tabung Haji, Perdana Menteri berkata sistem dan penubuhan Tabung Haji tidak boleh dipersalahkan ekoran kesilapan pihak pengurusan Tabung Haji dalam melaburkan wang tabung itu.

Dr Mahathir berkata kesilapan membuat pelaburan dengan memberi RM200 juta kepada satu badan pelaburan, bukan kerana kelemahan Tabung Haji tetapi disebabkan ada orang dalam Tabung Haji yang tidak ikhlas dan menipu Tabung Haji.

"Orang yang tidak baik itu telah disingkirkan daripada pengurusan Tabung Haji dan didakwa di mahkamah," katanya.

Perdana Menteri berkata Tabung Haji telah banyak memberi manfaat kepada beratus ribu rakyat Malaysia dalam membantu mereka menunaikan fardu haji.

Beliau berkata pengurusan Tabung Haji kini lebih cekap daripada yang lama.

Menyentuh perkara lain yang dibangkitkan dalam perbahasan, Dr Mahathir berkata beliau bersetuju dengan pandangan perwakilan supaya bahasa Inggeris digunakan untuk mata pelajaran Sains dan Teknologi serta mata pelajaran yang lain jika perlu.

Perdana Menteri berkata rakyat tidak boleh mengejar sesuatu ilmu dengan melalui terjemahannya sahaja kerana proses terjemahan itu mengambil masa.

"Tidak ada guna kita jadi nasionalis bahasa semata-mata tanpa menjadi nasionalis bangsa," kata Dr Mahathir sambil menjelaskan bahawa nasionalis bahasa hanya memperjuangkan kepentingan bahasa tanpa mengambil kira kemajuan bangsa.

Beliau berkata pelajar Melayu hanya mempelajari dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sedangkan pelajar bukan Melayu mempelajari tiga bahasa termasuk bahasa ibunda mereka.

Perdana Menteri berkata beliau sedih kerana 94 peratus graduan menganggur terdiri daripada Melayu disebabkan mereka mengambil jurusan mudah yang tidak menolong mereka mendapatkan pekerjaan serta tidak boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Dr Mahathir juga meminta anggota Umno memastikan anak-anak mereka tidak dihantar ke pusat asuhan kanak-kanak kendalian parti pembangkang bagi mengelakkan fikiran mereka diracuni.

-- BERNAMA

JM MAN MZM WNZ MAI